



NOTIS MAKLUMAN PENTING BERKENAAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) PADA SEMESTER KEDUA, SESI 2019/2020 DI FAKULTI SAINS GUNAAN

As Salam dan Salam Sejahtera Warga FSG,

Berikutan dengan perkembangan terkini wabak COVID19, maka Pindaan Kalendar Akademik Bagi Sesi II Dan Sesi III 2019/2020 (Pengawalan Wabak Covid19) telah diluluskan Senat pada 3 April 2020 yang lepas.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) pada 3 April 2020 (2.30 petang), adalah diputuskan bahawa Fakulti Sains Gunaan akan mengikuti baki sesi perkuliahan pada sesi **Kuliah 2** dan **Kuliah 3a** sahaja seperti berikut:

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
KULIAH 2	13 April – 24 Mei 2020	6 MINGGU
CUTI KHAS PERAYAAN	25 Mei – 3 Jun 2020	10 HARI
KULIAH 3a	4 Jun – 1 Julai 2020	4 MINGGU
MINGGU ULANGKAJI	2 – 4 Julai 2020	3 HARI
TARIKH AKHIR PENILAIAN BERTERUSAN	21 Julai 2020	-
CUTI SEMESTER	22 Julai – 11 Oktober 2020	12 MINGGU

Perjalanan untuk semua sesi P&P sepanjang semester ini akan dijalankan **secara atas talian sahaja iaitu mod *open and distance learning* (ODL)**. **Tiada peperiksaan akhir akan dijalankan.**

Berikutan dengan keputusan ini juga, maka beberapa siri mesyuarat pengurusan FSG Kampus Shah Alam dengan semua staf FSG di seluruh kampus UiTM (Lampiran 1) telah diadakan untuk mendapat pandangan serta memperjelaskan isu akademik semasa dan perjalanan P&P diperingkat diploma, sarjana muda, sarjana dan pascasiswazah.

Maka hasil daripada beberapa siri mesyuarat tersebut, serta berpandukan beberapa notis awal yang dikeluarkan oleh FSG pada 25 Mac 2020 dan 3 April 2020, satu garis panduan telah dirangka untuk menjadi sumber rujukan semua staf dan pelajar FSG.

Semua staf dan pelajar Fakulti Sains Gunaan diminta untuk mematuhi keputusan ini dan merujuk kepada Kalendar Akademik UiTM yang terkini untuk tarikh-tarikh penting aktiviti akademik.

Sekian. Terima kasih.

9 April 2020

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA AKTIVITI PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH PADA SEMESTER KEDUA, SESI 2019/2020 DI FAKULTI SAINS GUNAAN

1.0 PENGENALAN

Dokumen ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua warga Fakulti Sains Gunaan berkenaan dengan pelaksanaan aktiviti Pengajaran & Pembelajaran (P&P) diperingkat diploma, sarjana muda, sarjana serta aktiviti penyelidikan peringkat pascasiswazah pada Semester Kedua, Sesi 2019/2020 berdasarkan situasi penularan wabak COVID19.

Garis panduan disediakan dengan merujuk kepada beberapa dokumen, pekeliling dan siri mesyuarat di peringkat fakulti seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 2.

Secara dasarnya, pelaksanaan P&P pada semua peringkat di Fakulti Sains Gunaan termasuk kuliah, tutorial, makmal, bengkel, dan Projek Tahun Akhir (FYP) perlu dijalankan melalui **mod atas talian sahaja** bermula dari **13 April 2020** iaitu pada sesi **Kuliah 2 (13 April – 24 Mei)** dan **Kuliah 3a (4 Jun -1 Julai)**.

2.0 PELAKSANAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

2.1 KULIAH & TUTORIAL

- a. Seperti yang dimaklumkan, P&P dilaksanakan secara atas talian sahaja. Oleh itu, pensyarah perlu bijak memilih kaedah yang sesuai untuk kod kursus masing-masing.
- b. Perlu diingatkan bahawa akses setiap pelajar kepada talian internet juga adalah berbeza. Oleh itu, pensyarah **tidak disarankan** membuat *live streaming* atau *video based synchronous session* dengan pelajar. Pensyarah perlu berbincang dengan para pelajar mengenai kaedah terbaik untuk pelaksanaan P&P untuk sepanjang semester.
- c. Perancangan yang dibuat mestilah 'student centred' di mana pelajar dapat *read, solve, create, dan collaborate*. Pensyarah pula perlu *guide* dan *facilitate* serta *initiate discussions, give feedback, suggest reading* dan sebagainya.
- d. Beberapa sesi *live* dan rakaman video telah diusahakan oleh BHEA dan juga Fakulti Sains Gunaan untuk membantu pensyarah dalam penyediaan bahan kuliah dan aktiviti P&P. Pada masa yang sama, pensyarah disarankan untuk merujuk kepada beberapa laman sesawang berikut untuk mendapatkan panduan serta info (*best practices*) aspek P&P, penilaian, pentaksiran dan sebagainya.
 - i) Dokumen Alternative Assessment@UiTM
<https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/cidl>
 - ii) E-Learning Initiatives by ICEPS
<https://padlet.com/iceps/uitm>

- e. Terdapat pelbagai aplikasi pembelajaran maya/atas talian yang boleh digunakan. Jadual 1 memberikan beberapa aplikasi yang sesuai untuk sesi P&P buat masa ini:

Jadual 1: Cadangan Aplikasi sesuai untuk P&P

Jenis P&P	Cadangan Aplikasi
Digital Attendance	Google Form, Jotform, e-kehadiran, Jibble, Clockify, Zoho, MyAttendanceTracker
Quiz	Quizizz, Google Form, Kahoot, Google Classroom
Presentation	Prezi, Mindmeister, Slideshare, Youtube
Video Conference	Google Meet, Microsoft Team, Zoom, Cisco Webex, Whatsapp video
Screen Recording	Screencast, Quicktime, Camtasia, Jing
Communication/ Discussion	SMS, Whatsapp, Telegram, WeChat, Facebook, Padlet
Classroom Management	Google Classroom, Microsoft Teams, Edmodo, Schoology
Animation	Powtoon, Biteable, Keynote, Animaker

- f. Pensyarah juga boleh merakam suara dalam nota *powerpoint* dan menghantar kepada pelajar melalui email, *google drive*, *whatsapp* dan sebagainya.
- g. Satu lagi aplikasi yang baik adalah untuk menggunakan aplikasi ScreenCast (<https://screencast-o-matic.com/>) untuk merakam video kuliah anda. Rakaman ini termasuk penggunaan suara serta rujukan kepada nota samada dalam bentuk word, pdf, prezi, powerpoint, dan video secara serentak. Aplikasi ini sangat mudah digunakan dan hanya merekod maksima 15 minit sahaja untuk setiap rakaman. Oleh itu, setiap topik boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan pelajar mudah untuk muat turun melalui email, *google drive* atau *whatsapp*.
- h. Sebagai panduan, setiap 1 jam kuliah secara *face-to-face* adalah dianggarkan bersamaan dengan 10-15 minit kuliah melalui rakaman video.
- i. Sekiranya sebahagian pelajar tidak mendapat akses internet yang baik, maka salah satu kaedah yang paling mudah adalah menggunakan aplikasi whatsapp.
- j. Sekiranya ada sebahagian pelajar tidak mendapat akses internet langsung, pelajar tersebut masih tidak boleh dibenarkan untuk memasuki kampus berdekatan, selepas tamat tempoh PKP. Pensyarah boleh menghantar nota kuliah dan pelbagai dokumen P&P lain kepada pelajar melalui perkhidmatan pos. Prinsipnya adalah agar setiap pelajar tidak ketinggalan dalam aspek P&P mereka. Sebarang tuntutan untuk proses penghantaran melalui pos berkenaan boleh dibuat melalui Pejabat Pentadbiran FSG atau kampus cawangan masing-masing.
- k. Di dalam aspek penilaian terhadap aspek P&P pelajar, pensyarah disarankan untuk membuat penilaian sepanjang semester dan tidak menunggu di akhir semester. Perlu diingatkan bahawa setiap pelajar mengambil beberapa kursus dalam semester ini dan akses internet juga berbeza.

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

- i. Oleh kerana tiada Peperiksaan Akhir akan dijalankan, semua kursus dibolehkan untuk menukar aspek pentaksiran dan penilaian kepada **tiada Peperiksaan Akhir** iaitu samada:
- i) Membuat Ujian Akhir (menggantikan Peperiksaan Akhir) dengan menggunakan peratus yang sama, ATAU
 - ii) Menjadikan kursus tersebut kepada 100% penilaian secara berterusan. Sebagai contoh, untuk kursus yang mempunyai 60% penilaian berterusan dan 40% peperiksaan akhir, maka 40% peperiksaan akhir tersebut boleh diubah menjadi tambahan kuiz atau tugas tambahan lain. Namun begitu, setiap kursus hanya terhad kepada **4 jenis Tugas** sahaja untuk semester ini, ATAU
 - iii) Lain-lain kaedah yang sesuai
- m. Memandangkan perubahan pentaksiran dan penilaian adalah sementara, tiada keperluan untuk dimuatnaik perubahan tersebut ke dalam AIMS. Dokumen berkaitan perubahan boleh diedarkan kepada para pensyarah melalui Resource Persons (RPs) kod-kod terbabit.
- n. Jadual 2 memberikan beberapa contoh perubahan pentaksiran dan penilaian kursus untuk digunakan dalam semester ini.

Jadual 2: Contoh Perubahan Paramater Kursus

Contoh 1

Penilaian Asal		Cadangan Penilaian	
Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)
Ujian	15	Kuiz	20
Amali	20	Laporan amali	10
Tugasan	10	Tugasan	30
Pembentangan	5	Ujian Akhir (open book)	40
Peperiksaan Akhir	40		

Contoh 2

Penilaian Asal		Cadangan Penilaian	
Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)
Tugasan	20	Tugasan	30
Kuiz	10	Kuiz	20
Ujian	20	Temuramah	10
Peperiksaan akhir	50	Ujian akhir (open book)	40

Contoh 3

Penilaian Asal		Cadangan Penilaian	
Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)	Kaedah Pentaksiran	Peratus (%)
Kerja lapangan	20	Tugasan PBL	10
Kuiz	10	Kuiz	20
Ujian	30	Ujian	40
Peperiksaan akhir	40	Tugasan akhir (pecahan tajuk diberikan berdasarkan topik yang terkandung di dalam silibus)	30

- o. Beberapa kaedah pentaksiran lain adalah seperti *interview*, *problem-based assignments*, *live* atau *pre-recorded presentations* dan *demonstrations*, dan lain-lain.
- p. Untuk sebarang perubahan terhadap parameter kursus, setiap *Resource Person* perlu mengisi borang perubahan parameter Kursus dan diserahkan kepada Ketua Pusat Pengajian untuk diluluskan dalam mesyuarat JAF.

2.2 SESI MAKMAL & BENGKEL

- a) Aktiviti makmal dan bengkel boleh dilakukan secara atas talian melalui demo/ simulasi/ video atau kaedah *problem based learning* (PBL) sahaja.
- b) Pensyarah boleh bekerjasama bersama staf makmal dalam penyediaan demo/ simulasi/ video ini.
- c) Pensyarah tidak dibenarkan untuk menambah tugas makmal yang lain selain daripada topik dalam silibus untuk mengelakkan beban kepada pelajar.
- d) Pelajar perlu menghantar laporan secara atas talian untuk setiap sesi yang dijalankan untuk diberi penilaian.

2.3 PROJEK TAHUN AKHIR (FINAL YEAR PROJECT)

- a) Kursus Projek Tahun Akhir 1 (FYP1) merupakan peringkat cadangan penyelidikan, maka sesi pelajar bersama penyelia boleh dilakukan secara atas talian.
- b) Untuk FYP1, sebarang permohonan pembelian baru untuk bahan kimia dan bahan lain **tidak dapat dilaksanakan** buat masa ini.
- c) Penyelia disarankan supaya merancang projek untuk menggunakan bahan kimia yang sedia ada di fakulti. Untuk Kampus Shah Alam, mohon rujuk senarai bahan kimia di Google Drive- Pentadbiran (Unit Makmal):
https://drive.google.com/drive/u/1/folders/1ojRZL1xyjPOxcFn1B9iPcP_L9UiLNjHE
- d) Untuk Projek Tahun Akhir 2 (FYP2), setiap Koordinator/Resource Person perlu merombak semula jadual dan tarikh aktiviti. Merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor terkini, maka setiap penyelia boleh merancang melaksanakan FYP2 secara:
 - i) Problem based learning (PBL)
 - ii) Kajian kes (analisis data daripada sumber internet atau sumber rujukan lain), atau
 - iii) *Dry lab* (penggunaan simulasi komputer dan sebagainya).
- e) Untuk aspek penilaian FYP2 pula, setiap penyelia boleh menentukan beberapa jenis penilaian terhadap kerja para pelajar:
 - i) Projek yang **telah tamat** eksperimen/ kerja lapangan/ makmal. Maka gunakan borang asal yang sedia ada

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

- ii) Projek yang **hanya dapat selesaikan sebahagian** eksperimen/ kerja lapangan/ makmal (Borang B)
 - iii) Projek yang **tidak sempat langsung memulakan** eksperimen/ kerja lapangan/ makmal (Borang A)
- f) Proses penilaian FYP2 ini mestilah mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan dan borang yang berkaitan akan diedarkan kepada semua penyelia.
- g) Untuk aspek penilaian dan pembentangan FYP2, semua penyelia harus bersedia akan perubahan besar yang perlu dilakukan. Adalah disarankan agar aspek penilaian diubah mengikut keadaan. Antaranya, para pelajar boleh menggunakan *powerpoint* mereka untuk merakam suara dan dihantar secara atas talian kepada 1) penyelia dan 2) seorang pemeriksa. Kedua-dua penyelia dan seorang pemeriksa memberi markah pembentangan. Laporan akhir penyelidikan tahun akhir perlu dihantar mengikut tarikh yang diberikan. Sebarang bentuk perubahan perlu dilaporkan dalam mesyuarat JAF kemudian.

2.4 LATIHAN INDUSTRI (LI)

- a) Untuk LI, hanya sebahagian program sahaja terlibat semester ini dan sebahagian pelajar telah pun menghadirinya selama beberapa minggu tetapi terpaksa menangguhkan latihan akibat daripada perintah kawalan pergerakan.
- b) MQA menetapkan bagi pelajar yang telah mencapai minima 70-80% LI adalah mencukupi untuk lulus.
- c) Pelajar yang belum mencapai 70% kehadiran LI, maka pelajar perlu menghabiskan baki LI tersebut selepas bermula 13 April 2020. Walaubagaimanapun, hanya LI dengan cara bekerja dari rumah (work from home) sahaja dibenarkan. Oleh itu, pihak fakulti akan cuba mendapatkan kerjasama syarikat/industri terlibat untuk membenarkan pelajar UiTM bekerja dari rumah. Namun begitu, sekiranya pihak syarikat/industri tidak membenarkan pelajar bekerja dari rumah, maka pelajar perlu tangguhkan LI tersebut pada semester hadapan.
- d) Sebagai ringkasan, untuk LI ini, berikut adalah ketetapan FSG:
- i) Work from home (pilihan pertama), ATAU
 - ii) Koodinator/Resource Person LI perlu membuat pengubahsuaian LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian dan maklumkan semula kepada pelajar, ATAU
 - iii) Tangguh LI ke semester hadapan (pelajar akan masih dikira sebagai GOT sekiranya tiada isu berkaitan prestasi pelajar)
- e) Sebarang perubahan lain bergantung kepada keadaan semasa dan mengikut pekeliling Naib Canselor dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang terkini.
- f) Rasional ketetapan ini: Situasi wabak Covid19 ini dikhuatiri masih lagi berada pada tahap membimbangkan walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah berakhir. Fakulti boleh mengambil risiko berkaitan isu keselamatan dan kesihatan pelajar. Oleh itu,

pelajar tidak digalakkan bergerak keluar dari rumah masing-masing (walaupun untuk ke kampus), apatah lagi jika mereka berada di premis industri/majikan dimana peluang untuk terdedah dengan risiko jangkitan wabak adalah tinggi hasil daripada perhimpunan dan pergaulan dengan orang awam dan pekerja industri lain.

2.5 PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH

- a) Semua isu berkenaan dengan program penyelidikan pascasiswazah perlu merujuk kepada notis awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pusat Pengajian Pascasiswazah FSG bertarikh 7 April 2020.
- b) Secara dasarnya, bagi pelajar mod penyelidikan,
 - i) Segala aktiviti pembelajaran yang melibatkan makmal/ bengkel/ kajian lapangan dan sebagainya tidak dibenarkan semasa PKP dan juga selepas PKP tamat
 - ii) Pelajar amat digalakkan untuk menjalankan aktiviti lain seperti penulisan bab-bab disertasi dan *literature review* dalam semester ini dan penulisan untuk penerbitan
 - iii) Namun begitu, pelajar boleh memohon kebenaran fakulti untuk meneruskan makmal atau lapangan selepas 4 Jun 2020. Fakulti perlu melapurkan kepada Pusat Kesihatan UiTM senarai pelajar yang berada di makmal/ bengkel/ kerja lapangan **(tertakluk kepada prosedur semasa UiTM)**
- c) Proses akademik seperti pelantikan/ pertukaran penyelia boleh berjalan seperti biasa tetapi secara digital mengikut Garis Panduan IPSis.
- d) Untuk pelajar baru, proses akademik di bawah akan diselesaikan secara digital dalam semester ini
 - i) Perlantikan penyelia dan penyelia bersama
 - ii) Seminar Penyelidikan IGS (secara online)
 - iii) Penyerahan *Research proposal*
 - iv) DRP (akan dilaksanakan pada hujung semester)
- e) Proses-proses akademik seperti berikut akan dilaksanakan secara digital mengikut Garis Panduan IPSis
 - i) Pendaftaran pelajar
 - ii) Perlantikan /pertukaran penyelia utama/ bersama
 - iii) Perlantikan/ pertukaran pemeriksa dalaman/ luaran
 - iv) Penyerahan lapuran kemajuan
 - v) Permohonan *MSc to PhD conversion*
 - vi) Permohonan RMTP
 - vii) Penyerahan/ pembetulan/ penyerahan hardcopy tesis
- f) Untuk UPTA, tugas telah bermula dari **1 April 2020**. UPTA boleh ditugaskan untuk membantu pensyarah dalam penyediaan bahan-bahan P&P untuk *platform* atas talian.

2.6 TUGAS PENSYARAH FAKULTI SAINS GUNAAN

Berikut adalah beberapa peringatan penting yang perlu diambil perhatian setiap Pensyarah FSG untuk mod secara atas talian:

- a) Semua sesi P&P bermula pada **13 April 2020**.
- b) Setiap pensyarah perlu mengambil langkah persediaan awal untuk melengkapkan diri dengan aplikasi yang sesuai berikutan situasi yang mendesak ini.
- c) Setiap RP meneliti perubahan terhadap kaedah pengajaran, penilaian dan pentaksiran. Setiap perubahan perlu menepati PLOs, PO dan CLOs. Setiap perubahan perlu direkodkan untuk dimaklumkan kepada KPP. Pihak KPP akan mengumpulkan maklumat ini untuk dibawa ke mesyuarat JAF kemudian. Wakil Noble setiap program akan membantu dan menyemak dokumen sebelum dibawa ke JAF.
- d) RP dan pensyarah yang mengajar perlu memenuhi sebahagian daripada Hasil Pembelajaran Kursus (CLOs) semasa menjalankan mod dalam talian.
- e) Untuk mengelakkan kekeliruan dan beban kepada pelajar, dan untuk penyelarasan yang lebih baik, pensyarah dinasihatkan untuk menjalankan pembelajaran secara maya/atas talian pada masa yang telah dipersetujui bersama dengan pelajar masing-masing dan jika boleh mengikut jadual waktu semasa. Pastikan semua pelajar dalam kumpulan anda dapat dihubungi secara whatsapp/telegram/email.
- f) Pensyarah perlu memaklumkan lebih awal kepada pelajar mengenai aplikasi maya/atas talian yang dipilih dan boleh dicapai oleh semua pelajar.
- g) Untuk tujuan pelaporan di hujung semester,
 - i) pensyarah perlu merekod bentuk pengendalian mod yang dipilih seperti *screen shot* aplikasi tersebut untuk sebarang komunikasi dengan pelajar
 - ii) setiap pensyarah perlu memberi laporan ringkas aktiviti P&P setiap minggu melalui laporan atas talian yang disediakan Pejabat HEA FSG, atau mod pelaporan yang digunapakai oleh pusat pengajian kampus cawangan masing-masing
- h) Pensyarah perlu muatnaik *lesson plan* kursus yang telah diubahsuai dalam MyATP untuk keperluan rekod dan penilaian oleh Penilai kelak.

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI:

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan dengan garis panduan atau aktiviti akademik di FSG, mohon hubungi Timbalan Dekan Akademik, Penolong Pendaftar Kanan (Akademik), Ketua Pusat Pengajian atau Koordinator Program yang berkaitan.

PENUTUP

Garis Panduan ini terpakai kepada semua staf dan pelajar Fakulti Sains Gunaan bagi pengendalian P&P serta pentaksiran dan penilaian kursus yang ditawarkan pada Semester 2, Sesi 2019/2020.

Sekian.

PROF DR HJH FARIDA ZURAINA MOHD YUSOF

Dekan

Fakulti Sains Gunaan

09 April 2020

Penghargaan:

1. Ahli Mesyuarat Pengurusan Eksekutif FSG
2. Ahli Jawatankuasa Akademik Fakulti, FSG
3. Jawatankuasa Noble@FSG
4. Ketua-Ketua Pusat Pengajian FSG di semua Kampus Cawangan



JADUAL MESYUARAT BERSAMA DEKAN FSG (APRIL 2020)

Mesyuarat ini diatur untuk memberi peluang kepada semua staf akademik FSG mendapat maklumat terkini terus daripada Dekan berhubung isu semasa terutamanya berkenaan dengan pelaksanaan Semester Kedua, Sesi 2019/2020 & Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran berikutan perubahan Kalendar Akademik UiTM.

Agenda Mesyuarat:

1. Taklimat Dekan FSG - 10 minit (mohon semua 'mute' audio)
2. Sesi Q&A - 35 minit (tekan 'unmute' untuk pertanyaan/cadangan)

Platform Mesyuarat:

Google Meet (link akan dihantar melalui whatsapp)

Ahli Mesyuarat:

Dekan, ahli Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan staf akademik FSG

Jadual Mesyuarat:

Jadual 1: Jadual Mesyuarat FSG

TARIKH	MASA	KAMPUS	ANGGARAN AHLI
6 April 2020 (ISNIN)	3.00pm	Jengka, Pahang Bukit Besi, Terengganu	85 7
7 April 2020 (SELASA)	10.00am	Shah Alam, Selangor	230
7 April 2020 (SELASA)	3.00pm	Arau, Perlis Samarahan 2 & Mukah, Sarawak Kota Kinabalu, Tawau, Sabah Pasir Gudang, Johor	79 34 23 8
8 April 2020 (RABU)	10.00am	Tapah, Perak Kuala Pilah, N. Sembilan	64 87

Disediakan oleh Pejabat Hal Ehwal Akademik FSG, Shah Alam, 3 April 2020

LAMPIRAN 2

Senarai dokumen rujukan dalam penyediaan garipanduan ini:

- 1) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara (Perutusan YB Perdana Menteri, 16 Mac 2020).
- 2) Kalendar akademik terkini: Pindaan Kalendar Akademik Sesi II 2019/2020 yang dikeluarkan oleh pihak HEA UiTM pada 20 Mac 2020.
- 3) Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) FSG FSG pada 24 Mac 2020 (Selasa) dan 25 Mac 2020 (Rabu)
- 4) Pekeliling Naib Canselor (Bil. 08, 2020 bertarikh 25 Mac) dan Pekeliling TNCAA (Bil. 01, 2020 bertarikh 25 Mac).
- 5) Pekeliling terbaru Naib Canselor (Bil. 8, 2020) serta Pekeliling TNCAA (Bil. 1, Tahun 2020) pada 25 Mac 2020
- 6) Process and Procedures Guidelines during the Movement Control Order Period for Postgraduate Studies by Research, 25 Mac 2020
- 7) Notis Penting dan Keputusan Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPE) FSG mengenai Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran pada 25 Mac 2020
- 8) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan sehingga 14 April 2020 (Perutusan YB Perdana Menteri, 26 Mac 2020) atau tertakluk kepada sebarang perubahan.
- 9) Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi: Pengendalian Program Akademik Di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dikeluarkan oleh pihak KPT pada 28 Mac 2020.
- 10) Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak MQA pada 29 Mac 2020.
- 11) Keputusan Mesyuarat Senat pada 3 April 2020
- 12) Pengawalan Wabak Covid19: Pindaan Kalendar Akademik Bagi Sesi II Dan Sesi III 2019/2020 yang dikeluarkan pada 3 April 2020
- 13) Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) Fakulti Sains Gunaan pada 3 April 2020
- 14) Mesyuarat MPE FSG dengan staf FSG di Kampus Jengka, Pahang dan Kampus Bukit Besi, Terengganu pada 6 April 2020
- 15) Mesyuarat MPE FSG dengan staf FSG di Kampus Arau, Perlis; Kampus Samarahan 2 & Mukah, Sarawak; Kampus Kota Kinabalu & Tawau, Sabah dan Kampus Pasir Gudang, Johor pada 7 April 2020
- 16) Mesyuarat MPE FSG dengan staf FSG di Kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan & Kampus Tapah, Perak pada 8 April 2020
- 17) BHEA, UiTM FAQ Pentaksiran & Penilaian Akademik UiTM, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), 9 April 2020

Soalan Lazim ini telah dikeluarkan pada 3 April 2020 oleh Fakulti Sains Gunaan

SOALAN LAZIM
(FREQUENTLY ASKED QUESTIONS)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Mengapakah berlaku perubahan pada Kalendar Akademik UiTM untuk sesi ini?	<p>Perubahan ini berlaku atas saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) setelah mengambil kira perkembangan semasa pandemik COVID19.</p> <p>KPT memberi peluang kepada setiap UA untuk merancang perjalanan dan jadual aktiviti akademik agar keselamatan dan kesejahteraan semua warga UA diberi perhatian yang sewajarnya.</p> <p>Pada masa yang sama, KPT juga mengambil maklum akan isu kesediaan UA dan para pelajar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai kaedah termasuk atas talian.</p>
2.	Mengapakah FSG memilih untuk menyambung lagi Semester Kedua, Sesi 2019/2020 pada Sesi 3a ?	<p>Keputusan ini diambil setelah meneliti dan mengambilkira risiko pandemik COVID19 yang masih lagi pada tahap yang membimbangkan.</p> <p>Oleh itu, atas faktor keselamatan dan kesihatan pelajar, maka pelajar tidak dibenarkan hadir ke kampus sehingga hujung semester ini.</p>
3.	Bilakah Semester Satu, Sesi 2020/2021 akan bermula?	Semester baru untuk pelajar lama (returning students) dan kemasukan pelajar baru (new students) akan bermula pada 12 Oktober 2020 .
4.	Adakah setiap <i>Resource Person (RP)</i> masih perlu membuat perubahan terhadap aspek pengajaran dan penilaian kursus masing-masing?	<p>Ya, masih perlu kerana TIADA peperiksaan akhir untuk semua kursus pada semester ini kecuali RP menggantikan Peperiksaan Akhir kepada Ujian Akhir (sila baca FAQ no. 8).</p> <p>Pada masa yang sama, setiap RP disarankan untuk mengambil peluang ini untuk meneliti semula <i>Course Information</i> kursus masing-masing kerana FSG amat menggalakkan perubahan kepada <i>flexible delivery</i> atau <i>blended learning</i> agar setiap pensyarah bersedia dengan aspek pengajaran dan pembelajaran alaf baru.</p>
5.	Bolehkah saya meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara	Tidak Boleh. Semua aktiviti perkuliahan perlu dijalankan secara atas talian sahaja sehingga

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

	<p><i>face-to-face</i> apabila kuliah Sesi 2 bermula pada 4 Jun 2020?</p>	<p>semester tamat.</p> <p>Pensyarah tidak perlu membuat <i>live streaming</i> atau <i>video based synchronous session</i> dengan pelajar sekiranya didapati ada di antara pelajar dalam kumpulan itu tidak mendapat capaian internet yang baik.</p> <p>Pensyarah disarankan untuk menjalankan aktiviti makmal, bengkel kerja lapangan melalui alternatif lain melalui demo/ simulasi/ video atau kaedah <i>problem based learning</i> (PBL) sahaja.</p> <p>Pensyarah perlu memastikan bahawa setiap pelajar mendapat akses <i>internet</i> yang baik untuk pembelajaran atas talian. Pensyarah perlu memilih aplikasi dan platform yang sesuai untuk semua pelajar.</p>
6.	<p>Bagaimana dengan aktiviti-aktiviti penyelidikan di peringkat pascasiswazah?</p>	<p>Aktiviti akademik dan penyelidikan di peringkat pascasiwazah adalah seperti yang telah dinyatakan dalam Notis Pejabat Siswazah FSG bertarikh 26 Mac 2020 yang diberikan sebelum ini.</p>
7.	<p>Untuk tujuan pelaporan, bagaimana FSG hendak mengawasi aktiviti perkuliahan secara atas talian ini untuk Kuliah sesi 2 dan sesi 3a?</p>	<p>Untuk tujuan pelaporan (persediaan audit dalam dan sebagainya), fakulti perlu mengambil langkah yang sewajarnya.</p> <p>Oleh itu, setiap pensyarah akan diberi peluang untuk memberi laporan ringkas aktiviti perkuliahan secara atas talian.</p> <p>Borang laporan akan menggunakan <i>google form</i>.</p>
8.	<p>Mengapakah Peperiksaan Akhir tidak dijalankan pada semester ini?</p>	<p>Semester ini penuh dengan cabaran, keadaan yang sukar serta diluar jangka, khususnya kepada proses pembelajaran para pelajar FSG.</p> <p>Oleh sebab itu, semua pensyarah adalah disarankan untuk membuat sedikit perubahan kepada kod kursus masing-masing, samada menjalankan Ujian Akhir (menggantikan Peperiksaan Akhir) atau menjadikan kursus tersebut secara penilaian berterusan iaitu 100% kerja kursus.</p> <p>Ujian Akhir yang dijalankan tidak perlu berbentuk komprehensif, dengan syarat hasil pembelajaran kursus telah ditaksir dalam ujian-ujian atau</p>

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

		<p>pentaksiran lain sebelumnya.</p> <p>Tarikh akhir menghantar Markah Penilaian Berterusan adalah pada 28 Julai 2020.</p> <p>RP perlu melaporkan sebarang perubahan pentaksiran dan penilaian kepada KPP agar dibawa ke pengetahuan dan kelulusan mesyuarat JAF.</p> <p>Borang perubahan parameter akan diedarkan oleh Ketua Pusat Pengajian atau Koordinator Program.</p>
9.	<p>Untuk Projek Tahun Akhir II (FYP), adakah skop projek dan aspek penilaian boleh diubah memandangkan mungkin ada sebahagian pelajar tidak sempat menyiapkan kerja projek mereka?</p>	<p>Boleh. Penyelia perlu berbincang dengan pelajar untuk membuat sebarang perubahan terhadap skop projek untuk semester ini.</p> <p>Buat masa ini, RP FYP II telah mencadangkan 3 jenis penilaian terhadap kerja para pelajar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penilaian untuk pelajar yang telah tamat eskperimen/ kerja lapangan/ makmal (borang asal) 2. Penilaian untuk pelajar yang hanya dapat selesaikan sebahagian eskperimen/ kerja lapangan/ makmal (Borang B) 3. Penilaian untuk pelajar yang tidak sempat langsung memulakan eskperimen/ kerja lapangan/ makmal (Borang A) <p>Proses penilaian FYP mestilah mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan oleh RP kod tersebut. Borang yang berkaitan akan diedarkan kepada Koordinator FYP.</p>
10	<p>Bagaimana dengan Latihan Industri para pelajar semester ini?</p>	<p>MQA menetapkan bagi pelajar yang telah mencapai minima 70% LI adalah mencukupi untuk LU. Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, untuk pelajar yang belum mencapai 70% kehadiran LI, maka pelajar perlu menghabiskan baki LI tersebut selepas bermula 15 April 2020 hingga 24 Mei 2020. Walaubagaimanapun, hanya LI dengan cara berkerja dari rumah (work from home) sahaja dibenarkan.</p> <p>Pihak fakulti akan cuba mendapatkan kerjasama syarikat/industri terlibat untuk membenarkan pelajar UiTM bekerja dari rumah. Namun begitu, jika pihak syarikat/industri tidak membenarkan pelajar bekerja dari rumah, maka pelajar perlu tangguhkan LI tersebut pada semester hadapan.</p>

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

		<p>Sebagai ringkasan, untuk LI ini, berikut adalah ketetapan FSG:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Work from home (pilihan pertama), ATAU 2. Koodinator/Resource Person LI perlu membuat pengubahsuaian LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian dan maklumkan semula kepada pelajar, ATAU 3. Tangguh LI ke semester hadapan <p>Sebarang perubahan lain bergantung kepada keadaan semasa seperti pekeliling VC dan arahan Majlis Keselamatan Negara.</p> <p>Rasional ketetapan ini: Isu Covid19 ini dikhuatiri masih lagi berada pada tahap membimbangkan walaupun PKP telah berakhir. Fakulti tidak mahu mengambil risiko berkaitan isu keselamatan dan kesihatan pelajar. Oleh itu, pelajar tidak digalakkan bergerak keluar dari rumah masing-masing (walaupun untuk ke kampus), apatah lagi jika mereka berada di premis industri/majikan dimana peluang untuk terdedah dengan risiko jangkitan wabak adalah tinggi hasil daripada perhimpunan dan pergaulan dengan orang awam dan pekerja industri lain.</p>
11.	Adakah penetapan sesi perkuliahan ini termasuk program dan pelajar FSG di Kampus Cawangan?	Ya. Penetapan sesi akademik FSG ini termasuk semua program FSG di semua Kampus Cawangan.
12.	Saya mempunyai 2 jam kuliah seminggu, adalah perlu saya membuat 2 jam kuliah juga secara atas talian?	<p>Sesi kuliah secara atas talian mempunyai beberapa isu seperti akses data internet oleh pelajar dan sebagainya. Oleh itu, pensyarah perlu bijak menentukan dan menyesuaikan masa kuliah dengan kekangan yang ada.</p> <p>Sebagai contoh, pensyarah boleh membuat rakaman kuliah mengikut topik dimana setiap topik boleh dipecahkan kepada beberapa rakaman video yang durasi masa yang pendek seperti 15 min. Dengan ini, pelajar mudah untuk muat turun video tersebut.</p> <p>Sesi interaksi bersama pelajar boleh dilakukan selepas setiap topik dimana komunikasi boleh dijalankan dalam aplikasi yang mudah seperti telegram, whatsapp dan sebagainya.</p>

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

13.	Adakah kursus-kursus bukan FSG tertakluk kepada perubahan ini?	<p>Ya. Semua kursus yang diambil oleh setiap pelajar FSG pada semester ini perlu dijalankan secara atas talian.</p> <p>Ini termasuklah kod kursus CTU, TAC, HBU, ELC, MAT, STA, ENT dan sebagainya.</p>
14.	Bagaimana pula dengan penempatan pelajar di kolej kediaman?	<p>Untuk semester ini, semua pelajar FSG tidak dibenarkan memasuki Kampus. Untuk kes tertentu, pelajar perlu mendapat kebenaran Dekan, pejabat HEP/TNC HEP dan Klinik Kesihatan UiTM (ada prosedur yang perlu dipatuhi).</p>
15.	Adakah staf akademik boleh <i>work from home</i> setelah PKP (MCO) tamat pada 14 April 2020 nanti?	<p>Staf UiTM, samaada pentadbiran atau akademik, adalah tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Naib Canselor dan peraturan perkhidmatan awam semasa.</p> <p>Prosedur (SOP) untuk staf kembali bekerja di Fakulti/Kampus akan ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar dan Pusat Kesihatan UiTM. Sekiranya keadaan mengizinkan, staf boleh datang bekerja semula pada 15 April 2020 nanti selepas tamatnya PKP. Staf boleh memberi tumpuan terhadap kerja-kerja penyelidikan, penulisan, penyediaan bahan kuliah, serta khidmat kepada fakulti bagi memenuhi aspek K1, K2 dan K3.</p> <p>Namun begitu, sekiranya situasi pandemik COVID19 ini masih pada tahap yang membimbangkan, maka staf dibenarkan bekerja dari rumah (<i>work from home</i>) dan ini tertakluk kepada arahan oleh Naib Canselor UiTM yang akan diberikan dari masa ke semasa.</p>

*Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Ketua Pusat Pengajian masing-masing.

Disediakan oleh Pejabat Hal Ehwal Akademik FSG, Shah Alam, 3 April 2020